

## **MOTIVASI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ARAB JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA (SMA JAIM) TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

**Nur Afifah Fadzil  
Nuraznan Jaafar  
Roslida Saat  
Ahmad Syukri Musa**  
Kolej Universiti Islam Melaka

### **Abstrak**

Motivasi merupakan faktor penting yang mampu mempengaruhi peningkatan mahupun penurunan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi membolehkan mereka menguasai bahasa Arab dengan berkesan. Kajian ini dijalankan terhadap 316 orang pelajar tingkatan lima di enam buah sekolah menengah arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM 2017 serta tahap motivasi pelajar SMA JAIM terhadap pembelajaran bahasa Arab. Ia juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab setelah mereka mempelajari bahasa Arab semenjak dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif digunakan untuk mengumpul dapatan data kajian lepas berkaitan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Manakala data kuantitatif dikumpulkan menerusi set soal selidik berkaitan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian mendapati secara purata, skor responden bagi motivasi pelajar berada pada tahap tinggi. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan positif antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab. Namun begitu, menerusi analisis regresi berganda yang dilakukan, faktor motivasi tidak mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar.

**Kata Kunci:** motivasi, bahasa Arab

### *Abstract*

#### ***MOTIVATION AMONG STUDENTS IN MELAKA ARABIC SCHOOLS MELAKA ISLAMIC RELIGION COUNCIL (SMA JAIM) TOWARDS ARABIC LEARNING***

*Motivation is an important factor that can influence the increase or decrease of students' achievement in Arabic learning. It is theorized that highly motivated students will have greater success in acquiring the Arabic language. This study was conducted to 316 form five students in six Melaka Islamic Arabic Schools (SMA JAIM) whom were sitting for the Arabic subject for their Malaysian Certificate of Education (SPM) examination for the year 2017. This study was conducted to identify their level of achievement during their Arabic trial exam and their motivation in learning the Arabic language. This study also intends to identify the relationship between student motivation and their level of mastery, particularly these students have learnt the Arabic language for at least five years, from Form One to Form Five. Both quantitative and qualitative methods were used for this study. The qualitative method was used to collect past literatures on studies regarding students' motivation and Arabic learning. Meanwhile, qualitative method was used to gather data regarding students' motivation towards Arabic learning and it was gathered using the questionnaire method. The findings of the study indicate that in*

*general, the respondents scored high level of motivation towards Arabic learning. In addition, it was also found that there is a positive relationship between students' motivation and mastery of the Arabic language.*

**Keywords:** *Motivation, Arabic language*

## **PENGENALAN**

Pembelajaran bahasa Arab di sekolah rendah bermula sejak tahun 1997 sehingga kini. Selain daripada bahasa ibunda (bahasa Melayu), bahasa Inggeris dan bahasa Arab ini menjadi bahasa kedua atau juga bahasa asing yang dipelajari oleh pelajar. Bagi pelajar dalam bidang pengajian Islam, khususnya yang mengambil pengkhususan bahasa Arab, ia merupakan bahasa kedua yang wajib dikuasai oleh pelajar. Bahasa Arab bukan hanya sekadar dipelajari oleh pelajar di sekolah mahupun institut pengajian tinggi, malah ia turut dipelajari oleh orang awam (Nur Afifah 2016). Hal ini menunjukkan bahawa orang awam semakin sedar akan kepentingan mempelajari bahasa Arab khususnya apabila ia berkait rapat dengan ibadat orang Islam. Kajian mengenai pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing telah berkembang pesat pada akhir abad ke-20 Masihi (Khairatul Akmar et al. 2015).

Motivasi merupakan faktor penting yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab. Individu yang tinggi tahap motivasi mempunyai sudut pandang yang berbeza berbanding individu yang rendah tahap motivasinya. Motivasi tersebut mampu mempengaruhi sikap mereka dalam mempelajari bahasa sama ada bersikap positif atau negatif. Motivasi merupakan salah satu elemen penting dalam menguasai sesuatu pembelajaran terutamanya pembelajaran bahasa kedua. Dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik saling berkait rapat untuk menggerakkan sesuatu individu menguasai sesuatu pembelajaran (Hanis Najwa et al. 2017).

Motivasi ditakrifkan sebagai dorongan untuk mewujudkan tindakan serta mengekalkan niat bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Ames & Ames 1989). Ia merupakan satu elemen utama yang menentukan sejauh mana penglibatan peribadi, keaktifan dan kejayaan dalam menguasai bahasa kedua (Oxford & Shearin 1994). Motivasi dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif. Insentif adalah galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya. Manakala motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan (Pokay & Blumenfeld 1990). Menurut Habibah (1983), motif timbul daripada dorongan semula jadi atau minat yang diperoleh daripada kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Arab bukanlah satu proses yang mudah sekiranya hubungan dua hala antara guru dan pelajar tidak dapat dicapai. Hal ini kerana, respon dan tindak balas sama ada positif mahupun negatif yang ditunjukkan oleh pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar ataupun tidak. Pembelajaran bahasa Arab oleh penutur bukan jati khususnya pelajar Melayu sememangnya memerlukan minat, motivasi, kesungguhan yang tinggi serta sikap yang positif dalam mempelajarinya.

Penguasaan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua di Malaysia secara keseluruhannya masih belum memuaskan. Terdapat beberapa pandangan yang mengaitkan fenomena ini dengan tahap motivasi pelajar. Sofian Muhammad dan Zainal Abidin (1986) mengaitkan kelemahan para pelajar dalam pembelajaran bahasa disebabkan oleh tahap motivasi yang rendah. Sikap tidak ambil peduli dan tidak minat terhadap pembelajaran bahasa kedua boleh mengakibatkan kemerosotan pencapaian dalam pelajaran tersebut. Ada juga berpandangan faktor tanggapan yang salah terhadap bahasa asing atau bahasa kedua adalah antara faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa tersebut (Horwitz 1988). Jamali (1992) menyokong dan turut menegaskan antara faktor yang menyebabkan pelajar gagal

menguasai bahasa kedua dengan baik kerana mereka mempunyai sikap tidak mengambil peduli dan tidak berusaha mendalami bahasa yang dipelajari. Siti Saudah (1994) menyatakan bahawa masalah yang mempengaruhi kelemahan penguasaan bahasa Arab ialah suasana bahasa yang tidak memotivasikan pelajar. Para pelajar khususnya pelajar Melayu lebih gemar berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka walaupun ketika berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, Nor Haliza & Khaidzir (2010) menyatakan pembelajaran bahasa merupakan satu proses pembelajaran yang mempunyai kaitan dengan realiti kehidupan sebenar. Oleh itu, kesan bagi tanggapan yang salah terhadap pembelajaran bahasa hanya menimbulkan rasa kekecewaan dan mengundang kurang minat serta sikap yang negatif untuk mempelajari bahasa tersebut. Kelemahan penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing berkait rapat dengan sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut. Hal ini kerana, sikap merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa kedua (Gardner 1982). Selain itu, motivasi juga memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua.

Menerusi beberapa pandangan yang dikemukakan, penyelidik tertarik untuk melaksanakan kajian berkaitan tahap motivasi pelajar tingkatan lima yang mempelajari dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 bagi mata pelajaran bahasa Arab. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar sekolah menengah arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) di sekitar negeri Melaka. Tambahan pula, kurikulum yang diketengahkan ialah pembelajaran agama secara menyeluruh iaitu bukan sahaja bahasa Arab, malahan terdapat subjek-subjek *diniyyah* seperti syariah dan usuluddin yang diajar dalam bahasa Arab. Kurikulum ini berbeza dengan sistem pembelajaran di sekolah menengah kebangsaan yang hanya menawarkan subjek bahasa Arab sebagai satu-satunya subjek yang diajar dalam bahasa Arab. Justeru itu, kajian ini amat penting untuk dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab serta hubungannya dengan penguasaan mereka setelah mempelajari bahasa Arab selama lima tahun di peringkat sekolah menengah. Selain itu, ia penting untuk dilaksanakan bagi menentukan wujud atau tidak pengaruh motivasi terhadap peningkatan penguasaan bahasa Arab pelajar.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pendedahan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab perlu dititikberatkan agar dapat membantu pelajar-pelajar dengan sokongan luaran atau dalaman agar proses pembelajaran berjalan dengan baik. Penglibatan pelajar memerlukan kesediaan pelajar sendiri untuk mempelajari bahasa Arab agar mencapai objektif pembelajaran yang sebenar. Menurut Mok Soon Sang (2002), kesediaan merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dan berupaya untuk mempelajari sesuatu dengan tujuan memperoleh pengalaman pembelajaran baharu. Motivasi dapat memberikan kesan terhadap pembelajaran bahasa Arab terutamanya apabila bidang tersebut mempunyai peluang yang tinggi. Pelajar-pelajar akan memberi tumpuan yang lebih agar apa yang diimpikan mereka dapat dicapai.

Kajian-kajian lepas berkaitan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah bertujuan mengenal pasti minat, kehendak dan kesungguhan pelajar dalam pembelajaran mereka. Lightbown dan Spada (1999) menyatakan banyak keputusan kajian terdahulu membuktikan elemen motivasi memberikan sumbangan terhadap pencapaian bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Hackett (1995) dalam Adnan (2011) menyatakan bahawa kebolehpercayaan pada diri sendiri atau keyakinan diri mempunyai perkaitan dengan pencapaian dalam sesuatu bahasa. Nor Azura (2006) menjelaskan motivasi diri boleh dibina melalui kebolehpercayaan pada diri sendiri.

Dalam menghuraikan aspek sikap yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab, aspek motivasi juga perlu diberikan penekanan. Justeru, terdapat pelbagai kajian terdahulu yang membincangkan mengenai aspek motivasi. Antaranya huraian motivasi pelajar secara umum dalam pembelajaran bahasa Arab, kajian berbentuk hubungan, korelasi, pengaruh dan faktor-faktor yang mengaitkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Mohammad Haafiz et al. (2018) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran agama adalah satu kemestian dan wajib dipelajari kerana termasuk dalam peperiksaan umum seperti PT3, SPM dan STPM. Untuk mempelajarinya dengan berkesan, pelajar perlu mempunyai kepercayaan motivasi yang tinggi kerana bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang agak susah dan mencabar tambahan pula bagi pelajar bukan penutur jati. Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa tahap motivasi pelajar yang rendah terhadap mata pelajaran bahasa Arab adalah kerana merasa sukar untuk menguasainya. Justeru, kajian beliau menjelaskan kemungkinan aspek pengajaran guru yang menjadi punca perubahan kepercayaan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab.

Hasil kajian mendapati hubungan yang sederhana namun signifikan dan positif antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mereka dari segi penyampaian bahan pembelajaran, interaksi dan aspek penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Usaha ini akan dapat meningkatkan kepercayaan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab sekaligus mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih berkesan dan komprehensif.

Seterusnya, kajian bertajuk “Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar IPTA” dijalankan oleh Aisyah Sjahrony et al. (2017). Kajian ini menghuraikan tentang kepentingan motivasi dalam mempelajari ilmu bahasa Arab. Ia bertujuan melihat sejauh manakah aspek motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan pelajar terhadap subjek bahasa Arab serta hubungannya dengan tahap pencapaian pelajar. Ia turut memberikan penekanan kepada kepentingan motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Beliau berpandangan, tanpa motivasi yang tinggi, proses pembelajaran para pelajar IPTA akan berhadapan dengan pelbagai masalah pembelajaran seperti tiada semangat yang tinggi untuk berjaya dimasa akan datang, mudah putus asa dengan cabaran pembelajaran serta belajar hanya sekadar untuk meraih ijazah tanpa memikirkan kecemerlangan pada masa hadapan.

Motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting dalam mengekalkan prestasi pencapaian akademik pelajar bagi merealisasikan kejayaan. Hal ini kerana, motivasi dilihat sebagai salah satu faktor utama yang memainkan peranan dalam menentukan pencapaian pelajar di dalam kelas. Motivasi juga merupakan kayu ukur utama yang mempengaruhi proses pembelajaran dan menjadi pendorong jiwa serta hasrat untuk melakukan kegiatan dengan baik dan lancar. Justeru, kedua-dua aspek ekstrinsik dan instrinsik dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Para pelajar yang kurang menguasai kemahiran asas dalam bahasa yang mereka pelajari didapati mempunyai masalah dari segi sikap, kesediaan dan motivasi untuk belajar bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Hanis Najwa et al. (2017) bertujuan mengenal pasti tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik berada pada tahap tinggi iaitu dengan min masing-masing ialah 3.46 dan 3.16. Walaupun kedua-dua min bagi setiap motivasi tinggi, namun motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding dengan motivasi ekstrinsik. Oleh itu, perlu adanya penambahbaikan beberapa faktor motivasi luaran yang perlu diberikan kepada pelajar. Penguasaan bahasa Arab boleh dikuasai dengan adanya minat dalam diri dan dibantu oleh sokongan luar. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab seperti guru, ibu bapa dan rakan perlu meneruskan galakan dan sokongan kepada pelajar untuk terus mempelajari dan menguasai bahasa Arab.

Abdul Hakim (2015) menjalankan kajian “Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab” di Sekolah Menengah Agama Naim Lil Banat, Kota Bharu, Kelantan. Kajian beliau memfokuskan kepada konsep motivasi, faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua, tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah, tahap minat pelajar serta faktor yang mempengaruhi motivasi dan pengaruh motivasi terhadap pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden mempunyai tahap pencapaian dan minat yang baik. Terdapat lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi responden iaitu pandangan mereka bahawa bahasa Arab adalah penting, persekitaran bahasa Arab, mata pelajaran yang mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajarannya di dalam bilik darjah.

Wujudnya hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana di antara motivasi dan pencapaian responden dalam subjek bahasa Arab.

Fairosnita dan Kamarul Shukri (2015) menjalankan kajian “Pengaruh Permainan Bahasa Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah Dalam Pembelajaran Perbendaharaan Bahasa Arab”. Perbendaharaan kata merupakan asas dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa asing atau bahasa kedua. Penguasaan perbendaharaan kata yang baik dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran bahasa yang lain. Perbendaharaan kata memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan para pelajar untuk menguasai bahasa kedua atau bahasa asing termasuk bahasa Arab. Antara punca kelemahan dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab dalam kalangan para pelajar adalah berpunca daripada pengajaran yang kurang menarik serta gagal merangsang motivasi para pelajar dalam proses pembelajaran. Justeru, menjadi cabaran utama para guru dalam memilih kaedah pengajaran yang mampu merangsang motivasi murid.

Antara kaedah pengajaran yang berkesan untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang motivasi para pelajar ialah kaedah permainan bahasa. Justeru, kajian beliau bertujuan mengkaji pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi para pelajar sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab. Penumpuan diberikan kepada tiga aspek iaitu tahap motivasi secara keseluruhan, tahap motivasi berdasarkan konstruk dan berdasarkan item soal selidik. Kajian ini melibatkan 60 orang responden dalam kalangan murid tahun lima dari Sekolah Kebangsaan Bachok. Dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Ia juga menunjukkan tahap motivasi berdasarkan konstruk dan berdasarkan item berada pada tahap tinggi. Hal ini membuktikan motivasi yang tinggi dan kaedah pembelajaran yang sesuai mampu melonjakkan prestasi semasa pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Adnan (2011) menjalankan kajian berkaitan motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pelancongan Jabatan Hospitaliti di Politeknik Merlimau, Negeri Melaka. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min bagi keseluruhan iaitu 3.53. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab antara pelajar yang sedang mengikuti kursus dan telah tamat dan antara pelajar yang pernah belajar bahasa Arab mahupun sebaliknya. Oleh itu, motivasi dianggap sebagai kunci kejayaan dalam pembelajaran bahasa (Gardner 1985; Dornyei 1990; Nunan 1999). Ia menjadi faktor pemberi tenaga dan momentum kepada pelajar sehingga pembelajaran menjadi lebih aktif dan berkesan.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kertas kerja ini mengandungi empat persoalan iaitu:

1. Apakah tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM 2017?
2. Apakah tahap motivasi pelajar SMA JAIM terhadap pembelajaran bahasa Arab?
3. Bagaimanakah hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab?
4. Apakah faktor motivasi mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kertas kerja ini merangkumi empat objektif iaitu:

1. Menyatakan tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM 2017.
2. Mengenal pasti tahap motivasi pelajar SMA JAIM terhadap pembelajaran bahasa Arab.
3. Menghuraikan hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab.
4. Menjelaskan pengaruh faktor motivasi terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi menguji hipotesis berikut:

1. Terdapat hubungan signifikan positif di antara motivasi dengan penguasaan bahasa Arab.
2. Penguasaan bahasa Arab dipengaruhi oleh motivasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif digunakan untuk mengumpul dapatan data kajian lepas berkaitan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Data kajian lepas berkaitan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dikumpulkan daripada buku, jurnal, artikel persidangan, tesis dan kertas kerja. Data tersebut dianalisis secara deskriptif. Manakala data kuantitatif dikumpulkan menerusi set soal selidik berkaitan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian ini dijalankan terhadap 316 orang pelajar tingkatan lima dari enam buah sekolah menengah arab (SMA) JAIM di sekitar Melaka. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMA JAIM Darul Falah, SMA JAIM al-Ehya al-Karim, SMA JAIM al-Asyraf, SMA JAIM al-Ahmadi, SMA JAIM as-Sayyidah Khadijah dan SMA JAIM as-Syakirin. Dapatan yang diperoleh daripada set soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan menerusi analisis deskriptif dan analisis inferensi dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, analisis korelasi dan analisis regresi berganda.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Seramai 316 orang pelajar tingkatan lima merupakan responden bagi kajian ini. Ia terdiri daripada 102 orang responden lelaki dan 214 orang responden perempuan. Seramai 49 orang responden daripada SMA (JAIM) Darul Falah, 72 orang daripada SMA (JAIM) al-Ehya al-Karim, 45 orang daripada SMA (JAIM) al-Ashraf, 43 orang daripada SMA (JAIM) al-Ahmadi, 82 orang daripada SMA (JAIM) as-Sayyidah Khadijah dan 25 orang daripada SMA (JAIM) as-Syakirin. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Jantina Responden

<b>Jantina</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	102	32.3
Perempuan	214	67.7

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Keputusan percubaan bahasa Arab diambil kira oleh penyelidik kerana ia boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi mengenal pasti kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Jadual 2 merupakan keputusan percubaan bahasa Arab. Seramai 84 orang responden (26.6%) yang mendapat gred A. Manakala bagi gred B, seramai 74 orang responden (23.4%). Seramai 56 orang responden (17.7%) mendapat gred C. Selain itu, 27 orang responden (8.5%) mendapat gred D, 45 orang responden (14.2%) mendapat gred E, tiga orang responden (0.9%) mendapat gred F dan 27 orang responden (8.5%) mendapat gred G. Rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Keputusan Percubaan

<b>Keputusan Percubaan Bahasa Arab (Gred)</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
A+	9	2.8
A	35	11.1
A-	40	12.7
B+	23	7.3

B	51	16.1
C+	19	6.0
C	37	11.7
D	27	8.5
E	45	14.2
F	3	.9
G	27	8.5

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Dapatan data bagi tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dibentangkan dalam Jadual 3. Hasil kajian menunjukkan 244 orang responden (77.2%) merasakan mereka mempunyai motivasi yang tinggi. Manakala seramai 68 orang responden (21.5%) berpendapat tahap motivasi mereka adalah sederhana. Sementara hanya empat orang responden (1.3%) merasakan tahap motivasi berada ditahap yang rendah. Motivasi diukur menggunakan lima pilihan skala jawapan daripada “*sangat tidak setuju*” hingga “*sangat setuju*”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap tinggi. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3: Taburan Tahap Motivasi

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Motivasi Tinggi (3.68 – 5.00)	244	77.2	4.02	0.583
Sederhana (2.34 – 3.67)	68	21.5		
Rendah (1.00 – 2.33)	4	1.3		
Jumlah	316	100.0		

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menentukan hubungan di antara motivasi dengan penguasaan bahasa Arab. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif di antara motivasi dengan penguasaan bahasa Arab yang disokong dengan korelasi koefisyen ( $r = 0.559$ ,  $p < 0.01$ ). Berdasarkan kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971), hubungan antara motivasi dengan penguasaan bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang positif iaitu lebih tinggi darjah motivasi, maka lebih tinggi juga tahap penguasaan bahasa Arab. Menerusi dapatan yang diperolehi, ia membuktikan hipotesis pertama bagi kajian ini diterima.

Bagi menguji hipotesis kedua kajian iaitu faktor motivasi mempengaruhi penguasaan bahasa Arab, analisis regresi berganda digunakan. Rujuk Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Regresi Berganda

Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	B	BETA	t	Sig.
Penguasaan Bahasa Arab (Y)	Konstan	.894		4.621	.000
	Sikap ( $X_1$ )	.515	.508	6.522	.000
	Motivasi ( $X_2$ )	.150	.139	1.786	.075
$R^2$		.395			
F		102.042			
Sig F		0.000			

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Hasil dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan 39.5% ( $R^2 = 0.395$ ) faktor sikap dan motivasi mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Ia juga menunjukkan bahawa F-statistik ( $F = 102.042$ ) sangat besar dan nilai  $p$  yang signifikan (0.000) atau lebih kecil daripada nilai alpha 0.01. Ini menunjukkan bahawa cerun garis regresi liner model ini dianggarkan tidak sama dengan sifar mengesahkan bahawa data kajian sesuai dengan dua model ramalan regresi linear yang diajukan dalam kajian ini.

Merujuk kepada analisis regresi berganda yang dilakukan, penguasaan bahasa Arab (Y) tidak dipengaruhi oleh motivasi ( $X_2$ ). Ia tidak mempunyai hubungan yang signifikan serta tidak menyumbang kepada penguasaan bahasa Arab. Dapatan ini menolak hipotesis kedua kajian iaitu penguasaan bahasa Arab dipengaruhi oleh pemboleh ubah motivasi. Penguasaan bahasa Arab hanya dipengaruhi oleh satu pemboleh ubah iaitu faktor sikap. Namun begitu, menerusi ujian kolerasi Pearson hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab adalah hubungan yang signifikan positif. Penguasaan pelajar turut mempunyai perkaitan dan hubungan dengan tahap motivasi mereka.

## **KESIMPULAN**

Motivasi merupakan aspek penting yang perlu diberikan penekanan oleh para pelajar khususnya dalam mempelajari bahasa Arab. Hal ini kerana, bahasa Arab bukanlah bahasa yang diperoleh secara semula jadi. Ia memerlukan dorongan dan sokongan yang padu sama ada dari segi dalaman atau luaran bagi mendorong individu untuk terus mempelajari bahasa Arab. Melalui sikap yang positif dan motivasi yang tinggi, kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dapat disemai seterusnya melahirkan sarjana-sarjana yang mahir dan mampu menguasai ilmu bahasa Arab.

Hubungkait antara motivasi dengan proses pembelajaran akan menentukan minat pelajar sepanjang proses pembelajaran bahasa Arab berlangsung. Sekiranya motivasi pelajar adalah tinggi, ia dapat menjadikan minat pelajar terhadap bahasa Arab semakin memuncak seterusnya akan menghasilkan pencapaian yang amat baik. Motivasi diperlukan untuk mengubah sikap pelajar kepada sikap-sikap yang positif seperti rajin, berani, integrasi dan berusaha. Perubahan-perubahan ini menjelaskan bahawa motivasi merupakan ejen perubahan dalam pembelajaran bahasa.



## Bibliografi

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah. 2015. Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (10): 104-121.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hafisah Zakaria. 2014. Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*, hlm. 44-53.
- Adnan Derahman. 2011. Motivasi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Diploma Pelancongan Jabatan Hospitaliti di Politeknik Merlimau Negeri Melaka. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis. 2017. Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2): 102-112.
- Ames, C. & Ames, R. 1989. *Research in Motivation in Education*. San Diego: Academic Press.
- Dornyei, Z. 1990. Conceptualizing motivation in foreign-language learning. *Language Learning* 40(1): 45-78.
- Fairosnita Ibrahim & Kamarul Shukri Mat Teh. 2015. Pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(2): 41-50.
- Gardner, R.C. 1985. *Social Psychological Aspects of Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner R.C & Lalonde R.N, Moorcroft, R. 1985. The role of attitudes and motivation in second language learning: correlational and experimental considerations. *Language learning*, 35: (207-227).
- Habibah Elias. 1983. *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. (Cetakan Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanis Najwa, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab, Farah-Nu Rashida Rosnan & Norafidah Gordani. 2017. Tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017*.
- Khairatul Akmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Lightbown ,P.M. & Spada, N.1999. *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Mok, Soon Sang 2003. *Siri Pendidikan Guru, Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Skim Perkhidmatan Guru*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman
- Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari. 2018. Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 3(3): 136-147.
- Mok, Soon Sang 2003. *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nor Azura Osman. 2006. Pengaruh demografi, kekerapan penggunaan dan keyakinan diri terhadap kemahiran berkomunikasi secara lisan dalam bahasa Inggeris. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Nor Haliza Ibrahim & Khaidzir Hj. Ismail. 2010. Kebimbangan terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*. 13:73-87
- Nunan, D. 1999. *Second Language Teaching And Learning*. Massachusetts: Heinle & Heinle Publishers.

- Nur Afifah Fadzil. 2016. Kesahan Modul Bahasa Arab Menerusi al-Quran. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pokay, P. dan Blumenfeld, P. C. 1990. Predicting Achivement early and late in the semester: the role of motivation and use of learning strategies. *Journal Of Educational Psychology*, 82 (1): 41-50.
- Siti Saudah Hassan. 1994. Pengajaran Bahasa Arab dan Permasalahan Pembelajaran. *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Asing Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Di Malaysia*. Bangi: Pusat Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 90-98.
- Sofian Muhammad & Zainal Abidin Abd Kadir. 1986. Ke arah sistem pengajaran bahasa Arab. Dlm. Mahayuddin Hj Yahya. (pnyt) *Islam Dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia, hlm. 76-85.